

ANTARA SUNAH, ADAB DAN ADAT



Bersama
**Prof Madya
Dr Azlan Shaiful
Baharum**



Aidilfitri bukan sekadar perayaan budaya, tetapi satu manifestasi ibadah menggabungkan sunah, adab dan adat dalam satu kerangka yang seimbang



AL-HAQ

Sehari sepotong ayat

"Sesungguhnya orang-orang yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah dan membunuh Nabi-nabi dengan jalan yang tidak benar, serta membunuh orang-orang yang menyeru manusia supaya berlaku adil maka sampaikanlah berita yang mengembirakan mereka, dengan azab seksa yang tidak terperi sakitnya."

(Surah al-Imraan, ayat 21)

Aidilfitri adalah hari kemenangan bagi umat Islam setelah sebulan menjalani ibadah puasa pada Ramadan. Namun, dalam keghairahan menyambut hari raya, timbul persoalan yang semakin hangat dibincangkan dalam masyarakat iaitu sejauh mana sambutan Aidilfitri hari ini benar-benar berlandaskan sunah dan adab Islam, atau sekadar terikat dengan adat dan budaya semata-mata?

Persoalan ini penting kerana ia menyentuh kefahaman umat terhadap hakikat sebenar hari raya dalam Islam.

Aidilfitri juga mempunyai ciri-ciri istimewa yang membezakannya daripada perayaan lain. Antaranya ialah ia hari kembali kepada fitrah, sebagaimana sabda Nabi SAW: "Setiap manusia dilahirkan dalam keadaan fitrah". Setelah menjalani latihan rohani sepanjang Ramadan, Aidilfitri menjadi simbol penyucian jiwa daripada dosa dan kembalinya manusia kepada keadaan asal yang bersih. Selain itu, Aidilfitri adalah hari kegembiraan yang diiktiraf syarak, sebagaimana hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim ketika Nabi SAW membenarkan hiburan yang tidak melampaui batas pada hari raya.

Namun, kegembiraan dalam Islam tidak boleh dipisahkan daripada nilai ibadah. Sunah Nabi SAW pada hari raya sangat jelas dan terperinci. Antaranya ialah mandi sunat Aidilfitri, memakai pakaian terbaik, bertakbir bermula pada malam raya sehingga solat Aidilfitri, makan sebelum keluar solat (khususnya tamar dalam jumlah ganjil) serta berjalan kaki ke tempat solat jika mampu. Semua ini menunjukkan bahawa Aidilfitri bukan sekadar hari makan dan ziarah, tetapi hari yang dimulakan dengan ibadah dan zikrullah.

Lebih penting lagi ialah amalan solat sunat Aidilfitri yang menjadi syiar utama. Dalam khutbah raya, umat Islam diingatkan tentang nilai takwa, ukhawah dan tanggungjawab sosial. Ini selari dengan firman Allah SWT dalam **Surah al-A'la ayat 14-15**: "Sesungguhnya berjayaiah orang yang menyucikan dirinya,

dan mengingati nama Tuhannya lalu mendirikan solat". Ayat ini sering dikaitkan oleh ulama dengan kejayaan orang yang berpuasa dan menyambut Aidilfitri dengan penuh keimanan.

Namun, dalam realiti masyarakat hari ini, terdapat kecenderungan untuk lebih menonjolkan adat berbanding sunah. Budaya berbelanja berlebihan, pembaziran makanan, dan penekanan kepada aspek luaran seperti pakaian serta hiasan rumah kadangkala mengatasi nilai spiritual Aidilfitri.

Tidak dinafikan bahawa adat seperti kunjung-mengunjung, memberi duit raya, dan menyediakan juadah adalah sebahagian daripada budaya yang baik, tetapi ia perlu dipandu oleh prinsip syarak agar tidak melampaui batas.

Islam tidak menolak adat, tetapi meletakkan garis panduan agar ia selari dengan syariat. Kaedah fiqh menyebut: "Adat boleh dijadikan hukum", namun dengan syarat ia tidak bercanggah dengan al-Quran dan sunah. Oleh itu, adat Aidilfitri seperti rumah terbuka dan ziarah-menziarahi perlu menjadi medan mengeratkan silaturahim.

Dalam konteks adab pula, Aidilfitri mengajar umat Islam tentang akhlak mulia. Antara amalan yang sangat dituntut ialah bermaaf-maafan. Walaupun tiada dalil khusus yang menetapkan ucapan tertentu seperti 'maaf zahir dan batin', namun konsep memohon maaf sangat bertepatan dengan ajaran Islam yang menggalakkan pemaafan serta penghapusan dendam.

Firman Allah SWT dalam **Surah al-Nur ayat 22** yang bermaksud: "Hendaklah mereka memaafkan dan berlapang dada. Tidakkah kamu suka Allah mengampuni kamu?"

Selain itu, Aidilfitri juga menjadi medan memperkukuh ukhawah Islamiah. Sabda Nabi SAW bermaksud: "Kamu tidak akan masuk syurga sehingga kamu beriman, dan tidak sempurna iman sehingga kamu saling berkasih sayang".

Justeru, kunjungan hari raya perlu menjadi jambatan untuk menyatukan hati, bukan sekadar tradisi tahunan tanpa makna.

Dalam memahami Aidilfitri, umat Islam perlu kembali kepada sumber rujukan yang sahih, iaitu al-Quran, sunah dan pandangan ulama muktabar. Dalam era media sosial hari ini, pelbagai tafsiran dan amalan disebar tanpa sandaran yang kukuh. Oleh itu, penting untuk merujuk kepada

ulama yang berotoriti dan sumber yang dipercayai agar kefahaman kita terhadap agama tidak tersasar.

Tadabbur terhadap ayat al-Quran dan hadis juga perlu menjadi amalan berterusan, bukan hanya ketika Ramadan. Aidilfitri sepatutnya menjadi titik permulaan kepada kehidupan yang lebih baik, bukan penamat kepada ibadah. Jika Ramadan melatih kita untuk menahan diri, Syawal adalah medan untuk mengaplikasikan latihan itu dalam kehidupan seharian yang penuh cabaran.

Sebagai contoh, sifat sabar yang dipupuk melalui puasa perlu diteruskan dalam menghadapi tekanan hidup. Begitu juga dengan amalan sedekah dan kepedulian terhadap golongan memerlukan yang sering dilafaskan ialah Ramadan perlu diteruskan sepanjang tahun.

Lebih mendalam daripada itu, Aidilfitri sebenarnya adalah madrasah syukur yang sangat besar. Antara syiar paling jelas yang sering dilafaskan ialah takbir yang bukan sekadar tradisi atau irama yang menghidupkan suasana malam raya, tetapi manifestasi tauhid dan pengakuan kehambaan. Takbir mengajar kita sebesar mana pun kejayaan menempuh Ramadan, hakikatnya Allah juaiah yang Maha Besar, Maha Memberi kekuatan dan taufik. Inilah hakikat syukur yang sebenar iaitu mengiktiraf bahawa segala nikmat datang daripada Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam **Surah al-Baqarah ayat 185** menegaskan tujuan takbir selepas Ramadan: "Dan hendaklah kamu mencukupkan bilangan (hari puasa) dan hendaklah kamu membesarkan Allah atas petunjuk-Nya, dan supaya kamu bersyukur". Ayat ini dengan jelas menghubungkan takbir dengan syukur. Ulama tafsir seperti Ibn Kathir menjelaskan bahawa takbir adalah tanda pengagungan terhadap Allah atas nikmat hidayah dan kemampuan menyempurnakan ibadah Ramadan.

Tadabbur ayat ini memberi satu pengajaran besar bahawa syukur dalam Islam bukan hanya dengan ucapan 'alhamdulillah', tetapi diterjemahkan melalui pengagungan kepada Allah, ketaatan berterusan, dan menjauhi maksiat selepas Ramadan. Justeru, jika selepas Aidilfitri seseorang kembali kepada kelalaian, meninggalkan solat atau kembali kepada dosa maka hakikat syukur itu belum sempurna.

Dalam konteks ini juga, sunah berpuasa enam hari dalam Syawal adalah kesinambungan praktikal kepada rasa syukur itu. Sabda Nabi SAW yang bermaksud: "Sesiapa yang berpuasa Ramadan kemudian diikuti dengan enam hari pada Syawal, maka ia seolah-olah berpuasa sepanjang tahun". (**Hadis Riwayat Muslim**)

Puasa enam ini juga mengandungi tadabbur yang sangat halus. Ia melatih jiwa untuk istiqamah, satu nilai yang sangat ditekankan dalam Islam. Jika Ramadan membentuk disiplin, Syawal menguji konsistensi. Dalam kehidupan sebenar yang penuh cabaran, inilah yang membezakan antara mereka yang hanya beribadah secara bermusim dengan mereka yang benar-benar menghayati agama sebagai cara hidup.

Selain itu, puasa Syawal juga tanda penerimaan amalan. Ulama menyebut bahawa antara tanda diterimanya sesuatu amal ialah apabila seseorang itu diberi taufik untuk melakukan amal soleh yang seterusnya.

Akhirnya, tadabbur terhadap takbir dan puasa Syawal membawa kita kepada satu kesimpulan besar: Aidilfitri bukan penamat ibadah, tetapi titik permulaan kepada kehidupan yang lebih bertakwa. Syukur bukan sekadar dirasai, tetapi dibuktikan dengan kesinambungan amal. Maka, dalam kita menyambut Syawal dengan penuh kegembiraan, janganlah lupa bahawa takbir yang kita lafaskan dan puasa yang diteruskan adalah janji kepada Allah untuk terus menjadi hamba yang taat dalam setiap keadaan.

Kesimpulannya, Aidilfitri bukan sekadar perayaan budaya, tetapi satu manifestasi ibadah yang menggabungkan sunah, adab dan adat dalam satu kerangka yang seimbang. Umat Islam perlu bijak membezakan antara amalan berlandaskan syarak dan yang sekadar tradisi, agar tidak terjebak dalam kekeliruan.

Semoga Syawal yang disambut bukan hanya meriah di luaran, tetapi juga memberi kesan mendalam kepada jiwa dan akhlak kita sebagai hamba Allah SWT. Inilah hakikat Aidilfitri yang sebenar iaitu kembali kepada fitrah, memperkukuh iman, dan meneruskan perjalanan hidup dengan penuh kesedaran serta ketakwaan.

Penulis pensyarah Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)